

D544

U B192 DEB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 3 JAN (BERNAMA) -- SIKAP TIDAK MENGENDAHKAN KETERTIBAN PENGURUSAN DAN SISTEM SERTA CARA KERJA MENYEBABKAN BERLAKUNYA PERKARA YANG TIDAK DIINGINI PADA SYARIKAT-SYARIKAT AWAM, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

MENURUTNYA, PARA PENGURUS DAN PENGARAH DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN BERLAGAK SEOLAH-OLAH WANG SYARIKAT ADALAH MILIK MEREKA DAN MEREKA BOLEH BERBUAT APA SAHAJA DENGAN WANG ITU.

+MAKA BERLAKULAH PERKARA YANG TIDAK DIINGINI YANG KITA LIHAT SEKARANG,+ KATANYA DALAM UCAPAN DASARNYA KETIKA MERASMIKAN SEMINAR +KE ARAH PENINGKATAN KEUPAYAAN PENGURUSAN DI NEGARA INI+ DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, BERJAYA ATAU TIDAKNYA PENGURUSAN BERGANTUNG KEPADA SIFAT-SIFAT PERIBADI SEPERTI AMANAH, BERSIH DAN CEKAP.

CUMA PERBEZAAN YANG KETARA ANTARA PENGURUSAN KERAJAAN DENGAN PENGURUSAN SYARIKAT IALAH TIDAK ADANYA MOTIF KEUNTUNGAN DALAM PENGURUSAN KERAJAAN YANG MERUPAKAN INSENTIF UTAMA DALAM SYARIKAT PERNIAGAAN, JELASNYA. -- LAGI.

1222MST 03 01 87

D546

U B193 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

+INI MENYEBABKAN SIKAP YANG KADANG-KADANG TIDAK SIHAT,+ KATA PERDANA MENTERI.

KETIKA MENGURAIKAN MENGENAI SIFAT-SIFAT PERIBADI PENGURUSAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AMANAH MERUPAKAN YANG TERPENTING, BAIK DALAM URUSAN PERIBADI MAHUPUN DALAM MENGURUSKAN TUGAS DAN HARTA YANG BUKAN MILIK SENDIRI.

ORANG YANG KUAT BERAMANAH AKAN MENGANGGAP BAHAWA PENGURUSAN HARTA AWAM HENDAKLAH DIBUAT DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB, SAMA ATAU LEBIH LAGI DARIPADA TANGGUNGJAWAB APABILA MENGURUS HARTA SENDIRI, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI YAKIN JIKA INI MENJADI PERASAAN ORANG YANG MENGURUS HARTA AWAM, MAKA PENGURUSAN TENTU AKAN DIBUAT DENGAN BAIK DAN TIDAK AKAN ADA PENYELEWENGAN, KECUAIAN, PEMBAZIRAN, RASUAH DAN BEDAGANYA.

+DALAM KERAJAAN HASILNYA TENTULAH PENTADBIRAN YANG LICIN DAN BERKECANTIKAN YANG AKAN MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA, YANG KITA SENDIRI AKAN MENIKMATINYA,+ JELASNYA. -- LAGI.

1230MST 03 01 87

0552

U B197 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI SIKAP BERSIH PULA, BELIAU BERKATA BAHAWA MEREKA YANG BERFIKIRAN BERSIH AKAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA Kebaikan SESUATU TUGAS YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADANYA.

+TANPA SANGKAAN BURUK, FIKIRANNYA TIDAK AKAN TERGANGGU. DENGAN MINAT YANG PENUH, SESUATU TUGAS DAPAT DIJALANKAN DENGAN SEMPURNA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEBERSIHAN FIZIKAL JUGA SECARA LANGSUNG AKAN MEMBANTU KERJA KERANA +JIKA TUBUH BADAN KITA KOTOR DAN KITA BERADA DALAM TEMPAT YANG PENUH DENGAN NAJIS DAN BUSUK, KITA TIDAK DAPAT BERFIKIR DENGAN SEMPURNA ATAU BEKERJA DENGAN MENCIPTAKAN HASIL YANG PENUH.+

MENGENAI KECEKAPAN, BELIAU BERKATA, MUNGKIN SESETENGAH ORANG CEPAT MENGURUS KERANA SIFAT-SIFAT SEMULA JADI TETAPI PADA KEBANYAKAN ORANG IA LEBIH BERGANTUNG KEPADA PENGALAMAN ATAU PENDEDAHAN KEPADA AMALAN YANG TERDAPAT DI SEKELILINGNYA SERTA LATIHAN YANG DIPEROLEHI.

+JIKA KITA SANGGUP BELAJAR DAN KITA SANGGUP MENGAMALKAN APA YANG KITA TELAH PELAJARI, DAN INI AMATLAH PENTING, KITA BOLEH MENJADI CEPAT,+ KATANYA.

-- LAGI.
1250MST 03 01 87

0559

U B202 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA, SIFAT-SIFAT LAIN YANG JUGA DIPERLUKAN BAGI MENJAYAKAN PENGURUSAN IALAH KERAJINAN, DISIPLIN DAN KEPINTARAAN BERKOMUNIKASI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MATLAMAT KERAJAAN IALAH MENINGKATKAN PENGURUSAN DAN SEHUBUNGAN DENGAN ITU BEBERAPA PENDEKATAN YANG TELAH DICUBA SEPERTI MANUAL KERJA DAN FAIL MEJA HENDAKLAH DIKAJI TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENCIPTA BANYAK LAGI SISTEM DAN KAEDAH UNTUK MEMPERBAIKI PENGURUSAN PENTADBIRAN.

+JIKA KITA TELAH MENGGUNAKANNYA DENGAN SEPENUHNYA TETAPI PRESTASI MASIH RENDAH, ELOKLAH KITA CIPTA SISTEM DAN KAEDAH YANG BARU. JIKA TIDAK, ELOKLAH KITA MENCUBA LAGI,+ KATANYA.

SEMINAR SEHARI ITU, ANJURAN JABATAN PERDANA MENTERI, DISERTAI OLEH KIRA-KIRA 230 ORANG TERDIRI DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, KETUA JABATAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN SERTA PARA PEGAWAI KANAN ANGKATA TENTERA DAN POLIS.

-- BERNAMA.
1311MST 03 01 87